

KEPENTINGAN EKONOMI PERTANIAN DARI PERSPEKTIF ISLAM DAN AMALANNYA DI KALANGAN PESAWAH PADI DI SELANGOR

Asmak Ab. Rahman*

Abstract

Islam encourages agriculture based on the fact that it is one of economic sources of economic development of a state. Islam also connotes the importance of agriculture in the time of Adam, Yusuf, Musa and Muhammad peace been upon them. Agriculture plays not only as a revenue of economic development but also it gives a very significant role in muslims worship towards Allah. The example of this can be shown in the fact that, by producing agricultural products, muslims can perform many other ibadah sunnah such as 'aqīqah, qurbān, ṣadāqah or paying penalty such as fidyah, paying dam and kifārah which are mekanisme of wealth redistribution and to ensure food security among poors and needy. A study has been done in Selangor to observe the practice of performing tithe, zakah fiṭr, 'aqīqah, qurbān, ṣadāqah and penalty such as fidyah, paying dam and kifārah among paddy farmers. The finding of the study shows that all of the respondents pay tithe and zakah fiṭr but for 'aqīqah, qurbān, ṣadāqah and penalty such as fidyah, paying dam and kifārah some of the respondents do not practise them.

PENDAHULUAN

Al-Quran banyak menyentuh tentang kepentingan pertanian. Kegiatan pertanian telah diceburi semenjak zaman nabi Ādam, berdasarkan kisah anak-anak Nabi Ādam iaitu Qābīl dan Hābīl.¹ Menurut Al-Qurṭubī² Hābīl adalah seorang penternak kambing manakala Qābīl pula seorang petani. Allah telah memerintahkan kedua-duanya memilih hasil tanaman dan ternakan mereka untuk dipersembahkan sebagai korban kepada

* Pensyarah di Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
al-Baqarah: 261

² Al-Qurṭubī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad (1995), *al-Jāmi' al-Aḥkam al-Qurān*.
Beirut: Dār Iḥya' al-Turāth al-'Arabī, jil. 6, h. 133-134.

Allah. Hābīl telah mempersembahkan seekor kibas yang paling elok antara binatang peliharaannya manakala Qābīl pula telah memberi tanamannya yang kurang elok yang menyebabkan persembahannya tidak diterima oleh Allah.

Nabi Mūsā juga pernah menjadi penternak kambing.³ Baginda telah diminta menternak kambing Nabi Syu'aib sebagai bayaran mas kahwinnya dengan anak Nabi Syu'aib. Sebelum kedatangan Nabi Mūsā dua orang anak perempuan Nabi Syu'aib yang bertanggungjawab menjaga ternakannya kerana beliau tua dan uzur. Nabi Mūsā telah bekerja sebagai penternak kambing bapa mertuanya selama sepuluh tahun sebagaimana perjanjian yang mereka telah persetujui.⁴

Pertanian memberi sumbangan yang amat penting terhadap pembangunan sesebuah negara. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan kemajuan pertanian kerajaan Saba'. Saba' terkenal dalam lipatan sejarah sebagai sebuah negara yang mempunyai pertanian yang maju dan subur. Perkara ini dinyatakan dalam firman Allah yang bermaksud :

“Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba', satu tanda yang membuktikan kemurahan Allah yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu, dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri kariah mereka. Lalu dikatakan kepada mereka, “Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepada-Nya, negeri kamu ini adalah negeri yang baik (aman dan makmur), dan Tuhan kamu adalah Tuhan yang Maha Pengampun.”

(Sabā': 15)

Menurut Ibn Kathir⁵, dalam ayat ini Allah SWT menceritakan tentang kaum Saba' yang tinggal di Yaman. Kerajaan Saba' adalah sebuah kerajaan yang agung dan dikurniakan dengan tanah yang subur, serta ladang dan tanam-tanaman yang menghijau. Penduduknya hidup dalam suasana aman dan damai. Allah telah memerintahkan penduduk Saba' untuk menikmati rezeki yang dikurniakan kepada mereka dan bersyukur di atas nikmat yang diberikan dengan melakukan ibadah kepada Allah SWT. Walau bagaimanapun, kaum Saba' telah mengingkari perintah Allah dan sebagai balasannya Allah telah menarik balik nikmat pertanian yang subur yang dikurniakan kepada mereka. Firman Allah yang bermaksud:

³ Kisah ini di ceritakan di dalam firman Allah dalam surah (Al-Qaṣaṣ 23-27).

⁴ Ibn Kathīr (1998), *Tafsīr al-Qur'ān al-'azīm*. Riyāḍ: Dār al-Salām, jil. 3, h. 509-514.

⁵ Ibn Kathir, *op.cit.*, jil. 3, h. 700-703.

Maka mereka berpaling ingkar, lalu Kami hantarkan kepada mereka banjir yang membinasakan, dan Kami gantikan dua kumpulan kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kumpulan kebun yang berisi dengan pohon-pohon yang pahit buahnya, dan pohon-pohon yang jarang berbuah, serta sedikit pohon-pohon bidara.

(Sabā' : 16)

Walau bagaimanapun penduduk Saba' telah ingkar terhadap perintah Allah dan suruhan-Nya serta kufur dengan menyembah matahari. Sebagai balasan akibat keingkaran dan kekufuran mereka, Allah telah menurunkan bencana banjir besar yang mengakibatkan kebinasaan kepada ladang-ladang dan kebun-kebun mereka yang indah dan berbuah lebat. Demikianlah balasan Allah kepada kaum Saba' yang mengingkari nikmatnya dan enggan menyembah Allah yang Maha Esa yang telah memberikan kepada mereka sebuah negeri yang makmur dan subur.⁶

Membangunkan sektor pertanian adalah satu keperluan dalam sesebuah negara. Ini kerana hasil daripada pertanian memberi banyak manfaat kepada manusia. Perkara ini dijelaskan oleh firman Allah yang bermaksud :

Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah) adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh butir, pada tiap-tiap butir seratus biji. Allah melipat gandakan (ganjaran) bagi sesiapa yang Dia kehendaki. Dan Allah Maha Luas (kurnianNya) lagi Maha Mengetahui.

(al-Baqarah: 261)

Dalam mengulas ayat ini al-Qurṭubī⁷ berpendapat ia menjadi dalil bahawa bidang pertanian adalah fardu kifayah kepada umat Islam dan merupakan pekerjaan penting yang boleh mendatangkan sumber pendapatan kepada manusia. Malah para petani akan mendapat ganjaran pahala apabila hasil pertanian mereka dinikmati oleh manusia dan haiwan.⁸ Oleh itu adalah wajar kerajaan menggalakkan rakyatnya terlibat di dalam sektor pertanian kerana sumber daripada hasil pertanian ini, akan menjadi bahan asas untuk kegiatan ekonomi yang lain juga seperti perkilangan, pemprosesan, perubatan, industri pelancongan, pengeskpontan, dan sebagainya.

⁶ Ibn Kathīr, *ibid*, h. 703.

⁷ Al-Qurṭubī, *op.cit.*, jil. 3, h. 305-306.

⁸ Ibn Hajar Al-Asqalānī (1997), *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Riyāḍ: Maktabah Dār al-Salām, jil. 5, h. 5.

Kepentingan Pertanian Terhadap Pembangunan Ekonomi

Pertanian memberi sumbangan yang amat penting terhadap pembangunan ekonomi. Kepentingan ini dapat dilihat melalui sumbangan kutipan zakat pertanian, zakat ternakan, dan bekalan makanan.

Sumbangan Pertanian Terhadap Ekonomi Melalui Kutipan Zakat

Pertanian juga menyumbang kepada ekonomi negara melalui zakat pertanian dan zakat ternakan. Hasil kutipan zakat pertanian dan ternakan akan diagihkan kepada lapan asnaf yang berhak mendapat agihan zakat. Penerima agihan zakat ini akan membelanjakan atau menggunakan agihan harta zakat tersebut dan akan merencanakan lagi aktiviti ekonomi negara. Dalil hasil pertanian diwajibkan zakat ialah Firman Allah yang bermaksud :

Dan Dialah yang menjadikan kebun-kebon yang berjunjung dan tidak berjunjung, pohon kurma, hasil tanaman yang beraneka jenis rasanya, zaitun dan delima yang serupa dan tidak serupa. Makanlah buahnya apabila berbuah dan bayarlah kewajipan zakat pada hari memetik hasil.

(al-An'ām : 141)

Ayat ini menjadi dalil bahawa hasil pertanian diwajibkan zakat. Walau bagaimanapun, para sarjana Islam berbeza pandangan tentang jenis tanaman yang diwajibkan zakat pertanian⁹.

⁹ Dari segi amalannya, hanya padi sahaja dikeluarkan zakat pertanian di Malaysia. Mengikut mazhab Mālikī dan Syāfi'ī zakat tanaman diwajibkan kepada tanaman yang menjadi makanan asasi sesuatu tempat serta boleh dikeringkan dan tahan disimpan lama. Lihat al-Dusūqī, Muḥammad bin Aḥmad (1996), *Hāsyiah al-Dusūqī*, jil. 2. Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 30 dan al-Khaṭīb al-Syarbīnī (1997), *Mughnī al-Muḥtāj*. Beirut : Dār al-Ma'rīfah, jil. 1, h. 565. Manakala mengikut mazhab Hanbali zakat tanaman diwajibkan kepada semua jenis tanaman makanan asasi atau makanan bukan asasi yang boleh ditimbang, disimpan, dikeringkan serta diusahakan penanamannya oleh manusia. Lihat Ibn Qudāmah (1997), *al-Mughnī*. Riyāḍ : Dār 'Ālim al-Kutub, jil. 4, h. 155. Dan Abū Ḥanīfah pula berpendapat zakat pertanian diwajibkan kepada semua jenis tanaman termasuk tanaman makanan asasi, tanaman bukan makanan asasi mahupun tanaman bukan makanan tanpa meletakkan sebarang syarat sebagaimana pendapat para ulama yang lain. Lihat al-Kāsānī (1998), *Badā'i' al-Ṣanā'i'*. Lubnan : Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, jil. 2, h. 178- 179.

Bagi penternak pula mereka dikenakan zakat ternakan¹⁰. Dalilnya adalah berdasarkan hadis¹¹:

Daripada Muaz bin Jabal, beliau berkata, Baginda Rasulullah telah mengutus aku ke Yaman dan beliau memerintahkan aku dari tiap-tiap 30 ekor lembu, tabi' atau tabiah (seekor lembu jantan atau betina yang mencapai umur satu tahun) dari setiap 40 ekor lembu, seekor lembu musinnah (seekor lembu betina yang umurnya mencapai 2 tahun).

Kepentingan Sektor Pertanian dan Penternakan Sebagai Sumber Bekalan Makanan

Makanan adalah keperluan asas manusia dan setiap orang perlu mendapat makanan yang mencukupi untuk meneruskan kehidupannya. Ketiadaan bekalan makanan, ataupun ketidakmampuan untuk memperolehi makanan yang diperlukan untuk hidup, boleh membawa kepada pelbagai masalah seperti penyakit, kematian dan sebagainya. Sektor pertanian dan penternakan amat penting kerana ia membekalkan sumber makanan kepada manusia dan juga kepada haiwan ternakan mereka.

Perkataan makanan disebut di dalam Al-Quran dengan pelbagai ungkapan. Adakalanya makanan disebut secara umum dan adakalanya disebut kategori makanan secara khusus seperti:

- Makanan hasil dari tanaman seperti biji-bijian, buah-buahan seperti anggur¹², tamar¹³, zaitun¹⁴ delima¹⁵ dan sayur-sayuran¹⁶

¹⁰ Binatang ternakan yang dikenakan zakat ialah lembu, kerbau, kambing, unta, biri-biri, dan lain-lain binatang ternakan yang seumpamanya. Ciri utama binatang ternakan yang dikenakan zakat, ialah binatang yang dipelihara untuk dijadikan binatang ternakan dan bukan digunakan untuk membuat kerja-kerja perladangan, tunggangan dan sebagainya. Maksudnya, jika binatang itu dipelihara khusus untuk mendapatkan susu, daging, pembiakan dan sebagainya barulah dikenakan zakat. Lihat Al-Bahūtī, Manṣūr bin Yūnus bin Idrīs (1999), *Kasyāf al-Qinā'*. Lubnān : Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, jil. 2, h. 249.

¹¹ Abū Dāwūd (1970), *Sunan Abī Dāwūd*. Suriah: Dār al-Ḥadīth, jil. 1, h. 234-235 Bagi dalil kambing dan unta lihat Ibn Hajar Al-'Asqalānī, *op.cit*, jil. 3, h. 398-400.

¹² al-Ra'd: 4

¹³ al-Syu'arā': 148

¹⁴ al-Ṭin : 1

¹⁵ al-An'ām : 99 dan Al-Raḥmān : 10-12

¹⁶ al-Baqarah : 22, Ibrāhīm : 32, Al-Sajdah : 27 dan Yā Sīn: 33-35

- Makanan hasil dari binatang¹⁷ sama ada binatang yang hidup di darat, mahupun binatang yang hidup di dalam air. Binatang membekalkan daging¹⁸ dan juga keperluan diet yang lain seperti susu¹⁹ dan madu²⁰.

Bagi menjamin rakyat sentiasa mempunyai bekalan makanan yang mencukupi kerajaan perlu menggalakkan pertanian dan penternakan dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Perkara ini dapat dilihat semasa Nabi Yūsuf memegang jawatan sebagai Menteri Perbendaharaan Mesir di mana baginda telah membuat polisi supaya diwujudkan rezab makanan sebagai langkah untuk menjamin bekalan makanan rakyat Mesir mencukupi bagi menghadapi musim kemarau. Polisi yang dirangka oleh Nabi Yūsuf itu berdasarkan petunjuk yang Allah SWT ilhamkan kepada baginda melalui mimpi Raja Mesir yang telah melihat tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus, dan tujuh tangkai biji-bijian yang hijau dan tujuh tangkai lagi yang kering.²¹

Baginda memerintahkan supaya hasil tanaman yang dituai dan dijadikan rizab makanan perlu disimpan bersama tangkainya supaya ia tahan lama. Ini kerana selepas tempoh bercucuk tanam, akan berlaku kemarau selama tujuh tahun yang akan menyebabkan aktiviti pertanian tidak dapat dijalankan kerana keadaan kemarau yang teruk. Rizab makanan yang disimpan itu akan dijadikan bekalan makanan untuk rakyat Mesir selama tempoh tujuh tahun kemarau itu. Keadaan akan pulih semula selepas itu dan rakyat akan menikmati suasana yang aman kerana hujan akan turun dan pertanian akan dapat dilakukan dengan subur dan membuahkkan hasil yang baik.²²

Polisi yang dilaksanakan oleh Nabi Yūsuf ternyata berjaya. Ketika kebanyakan negara dilanda musim kemarau dan tanaman tidak dapat diusahakan selama tujuh tahun, rakyat

¹⁷ al-Naḥl : 5

¹⁸ al-Naḥl : 14

¹⁹ al-Mu'minūn : 21 dan al-Naḥl : 66. Rasulullah SAW juga ada menyebut bahawa susu adalah makanan yang diperlukan oleh tubuh badan berdasarkan petunjuk yang dibawa oleh Jibrīl kepada baginda. Jibrīl telah datang kepada baginda dengan membawa bekas yang berisi arak dan satu bekas lagi berisi susu. Baginda telah memilih bekas yang berisi susu. Lalu Jibrīl mengatakan kepada Nabi Muhammad bahawa "Engkau telah memilih fitrah. Sekiranya engkau memilih arak umatmu akan binasa". Lihat al-Qurṭubī, 1995, *op.cit.* jil. 10, h. 127.

²⁰ Madu adalah makanan yang sangat berkhasiat dan boleh dijadikan penawar kepada penyakit (Al-Naḥl : 68-69).

²¹ (Yūsuf : 43), kebijaksanaan Nabi Yusuf mentafsir mimpi Raja Mesir ini merupakan penyebab baginda dikeluarkan dari penjara. Lihat Ibn Kathir (1998), *op.cit.* jil.2. h. 634.

²² Kisah ini dirakamkan dalam (Yūsuf : 47-49).

di negara lain hidup dalam kesempitan dan kelaparan kerana tiada bekalan makanan di negara mereka. Mereka datang untuk berdagang di Mesir dengan harapan untuk menukar barang dagangan mereka dengan bekalan makanan. Antara yang datang untuk meminta bantuan makanan itu ialah keluarga Nabi Yūsuf yang telah lama berpisah dan mereka tidak mengenali baginda.²³

Polisi ini sepatutnya diamalkan oleh negara supaya mempunyai rizab makanan bagi menghadapi saat-saat yang tidak dijangka seperti musim kemarau, musim banjir, peperangan dan sebagainya, apabila pertanian tidak dapat dijalankan ataupun bekalan makanan tidak boleh diimport dari luar negara.

Kepentingan Hasil Pertanian dan Penternakan Untuk Menyempurnakan Ibadat dan Hubungannya Dengan Sekuriti Makanan

Dengan adanya umat Islam yang menjalankan pertanian dan penternakan ia memberi sumbangan besar kepada umat Islam untuk menyempurnakan ibadat-ibadat yang diperintahkan Allah iaitu:

- i. Mengeluarkan zakat fitrah²⁴;
- ii. Berkorban²⁵ semasa hari raya korban;
- iii. Melakukan aqiqah²⁶ apabila mendapat cahaya mata;

²³ Peristiwa ini diceritakan dengan panjang lebar di dalam Al-Quran (Yūsuf : 58-102).

²⁴ Zakat fitrah diwajibkan kepada semua orang Islam setahun sekali. Pada asasnya zakat firrah dikeluarkan dengan makanan asasi. Dalil kewajipan zakat fitrah ialah hadith Ibn 'Umar yang bermaksud :

Sesungguhnya Rasulullah SAW telah mewajibkan zakat fitrah pada bulan Ramadan satu *ṣā'* kurma atau satu *ṣā'* gandum kepada setiap orang yang merdeka, hamba sahaya, laki-laki mahupun perempuan, kecil dan besar, dari kaum muslimin.

Lihat al-Nawawī (1997), *Ṣaḥīḥ Muslim*. Lubnan: Dār al-Ma'rifah, jil 7, h. 64.

²⁵ Dalil galakan berkorban ialah (Al-Kauthar : 2):

Oleh itu kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban sebagai bersyukur.

²⁶ Aqiqah ialah binatang sembelihan yang disembelih untuk seorang bayi yang dilahirkan dan sunat dilakukan pada hari ketujuh selepas kelahirannya. Binatang yang dijadikan aqiqah adalah sama seperti binatang yang mahu dijadikan korban iaitu binatang jinak seperti unta, lembu, kambing, dan sebagainya. Aqiqah untuk anak lelaki adalah dua ekor kambing sementara bagi anak perempuan seekor kambing. Lihat Ibn Qudāmah (1997), *op.cit.*, jil. 13, h. 393-397.

- iv. Melaksanakan denda haji iaitu dikenakan dam haji²⁷ atau sedekah wajib²⁸;
- v. Membayar fidyah puasa²⁹;
- vi. Membayar *kifarat* iaitu *kifarat* sumpah³⁰, *kifarat zihār* dan *kifarat* bersetubuh di bulan Ramadhan³¹; dan
- vii. Bersedekah sunat³².

Sekuriti makanan telah didefinisikan oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian Sedunia (FAO) sebagai akses bagi semua penduduk terhadap makanan yang mencukupi untuk kehidupan yang sihat dan aktif. Berdasarkan polisi FAO, sekuriti makanan boleh

²⁷ Membayar dam ialah menyembelih binatang sebagai denda kerana melakukan kesalahan semasa berihram. Antara binatang yang disembelih ialah unta, kambing, lembu dan sebagainya. Daging binatang ini mesti diagihkan kepada orang miskin. Antara kesalahan yang mewajibkan membayar dam ialah bersetubuh sewaktu berihram, memakai pakaian berjahit, bercukur kepala dan pelbagai kesalahan lainnya. Lihat Al-Khaṭīb Al-Syarbīnī, *op.cit.*, h. 759 dan Al-Kāsānī, *op.cit.*, h. 410.

²⁸ Memberi sedekah wajib ialah memberi makanan kepada orang fakir miskin disebabkan kesalahan yang dilakukan oleh orang berihram. Kesalahan tersebut lebih kecil berbanding kesalahan yang mewajibkan membayar dam. Contohnya seorang yang membuang sehelai rambut atau memotong satu kuku, mesti bersedekah sebanyak secupak makanan kepada orang miskin. Jika dibuang dua helai rambut atau dua kuku, maka dikenakan denda setengah gantang makanan. Lihat Al-Khaṭīb Al-Syarbīnī, *op.cit.*, h. 757.

²⁹ Fidyah puasa diwajibkan ke atas orang yang tidak berdaya untuk berpuasa dengan memberi makan kepada orang miskin. Dalilnya firman Allah SWT (Al-Baqarah : 184) yang bermaksud : *Dan wajib ke atas orang yang tidak berdaya berpuasa membayar fidyah iaitu memberi makan kepada orang miskin.*

³⁰ Dalil *kifārat* sumpah ialah (Al-Māidah : 89). Bagi orang yang dikenakan *kifārat* sumpah dia boleh memilih manakah bayaran *kifārat* yang dia mampu lakukan iaitu seperti berikut:

- i. Memberi makan kepada sepuluh orang miskin;
- ii. Memberi pakaian kepada sepuluh orang miskin;
- iii. Memerdekakan hamba yang beriman; atau
- iv. Berpuasa selama tiga hari.

Lihat Al-Kāsānī, *op.cit.*, jil. 4, h. 250-251.

³¹ *Kifārat* bagi kesalahan *zihār* dan bersetubuh pada bulan Ramadhan adalah sama. Dalil *kifārat zihār* ialah (Al-Mujādalah : 3-4):

Dan orang-orang yang menzihārkan isterinya kemudian mereka berbalik dari apa yang mereka ucapkan maka hendaklah suami itu memerdekakan seorang hamba sebelum mereka berdua bersama. Dengan hukum yang demikian kamu diberi pengajaran. Dan ingatlah Allah Maha Mendalam Pengetahuannya akan apa yang kamu lakukan. Kemudian sesiapa yang tidak dapat memerdekakan hamba maka hendaklah dia berpuasa dua bulan berturut-turut sebelum mereka bersama. Sesiapa yang tidak sanggup berpuasa maka hendaklah dia memberi makan enam puluh orang miskin.

³² Selain ibadah-ibadah wajib dan sunat yang khusus itu Islam juga menggalakkan umat Islam memberi makanan kepada orang fakir miskin di atas dasar untuk membuat kebajikan iaitu bersedekah. Antaranya firman Allah SWT (Al-Balad: 12-16), (Al-Insān : 8-9), (Al-Hāqqah : 31-34), (Al-Fajr : 18), (Al-Mā'ūn : 1-3) dan (Al-Muddathir: 42-44).

dicapai sekiranya tiga elemen dipenuhi iaitu jaminan bahawa wujudnya makanan yang mencukupi, penawaran makanan yang stabil, dan sesiapa sahaja yang memerlukannya boleh memperolehinya dengan mudah.³³

Berdasarkan definisi ini, keadaan yang berlawanan dengan sekuriti makanan ialah ketiadaan sekuriti makanan yang boleh dikatakan sebagai kurangnya akses untuk memperolehi makanan yang mencukupi. Keadaan ini boleh berlaku apabila seseorang tidak mempunyai kemampuan untuk membeli makanan atau mengeluarkan sendiri makanan keperluannya. Ia disebabkan oleh tiada bekalan makanan dalam pasaran dan harga makanan yang tidak stabil. Natijah dari keadaan ini, akan menyebabkan berlakunya kelaparan dan diet yang tidak mencukupi untuk keperluan tubuh badan yang sihat.³⁴

Ketidakupayaan untuk mendapat makanan, sama ada untuk jangka masa yang panjang, atau pada masa yang tertentu, berkait rapat dengan pendapatan individu atau isi rumah tersebut. Pendapatan yang mencukupi menjadi faktor kemampuan untuk membeli makanan walaupun pada harga yang tinggi. Oleh itu secara langsung sekuriti makanan mempunyai kaitan rapat dengan pendapatan seseorang. Kekurangan pendapatan atau kemiskinan, menyebabkan dia kurang berupaya untuk membeli makanan yang mengandungi diet yang seimbang seperti protein, karbohidrat, tenaga, zat galian, vitamin dan sebagainya.

Bagi menjamin sekuriti makanan di kalangan masyarakat, Islam menggariskan mekanisme tertentu untuk memastikan semua orang mendapat bekalan makanan yang mencukupi dan mengelakkan kelaparan di kalangan masyarakat. Mekanisme ini bersifat agihan kekayaan melalui mekanisme-mekanisme seperti agihan tahunan dan juga agihan berkala.

Ibadat sunat seperti korban dan aqiqah mengandungi mesej yang jelas kepada umat manusia supaya wujudnya golongan yang mengambil tugas menternak binatang peliharaan untuk dijadikan aqiqah dan korban. Secara langsung ia memberi gambaran

³³ Food And Agriculture Organization Of The United Nations (1998), *The Right To Food In Theory And Practise*. Rome : FAO, h. 32.

³⁴ Hassan Fahmi Jumah (1988), "Food Security In Islamic Countries : Opportunities And Integration" dalam Subhi Qasem (edit) *Food Security In The Muslim World*. Jordan : The Islamic Academy Of Sciences, h. 218.

bahawa Islam menggalakkan manusia mengambil berat tentang pertanian dan penternakan.

Rahsia di sebalik amalan aqiqah dan korban ini adalah jaminan makanan yang unggul di dalam Islam. Oleh sebab umat Islam digalakkan untuk melakukan korban, sudah tentu persediaan awal perlu dilakukan supaya apabila tiba tarikh 10, 11, 12 dan 13 bulan Zulhijjah setiap tahun mereka mempunyai bekalan binatang yang mencukupi untuk dijadikan korban. Malah korban yang dilakukan merupakan satu ibadat yang mendapat ganjaran yang besar di sisi Allah SWT. Dari sudut sosial pula, ia membantu golongan fakir miskin untuk menikmati daging yang diperlukan oleh badan sebagai sumber protein.

Begitu juga dengan suruhan sunat melakukan aqiqah apabila ibu bapa memperoleh cahayamata. Walaupun aqiqah bukan suruhan wajib tetapi sangat digalakkan untuk dilakukan sebagai tanda kesyukuran apabila memperoleh cahayamata. Oleh sebab adanya suruhan tersebut, akan wujud permintaan kepada binatang ternakan untuk aqiqah seperti kambing, biri-biri, lembu, kerbau dan sebagainya. Dalam kitaran ini, akan berlaku satu pihak yang akan mengusahakan perusahaan ternakan binatang, ataupun binatang itu dipelihara sendiri oleh ibu bapa tersebut. Di sinilah wujudnya konsep sekuriti makanan dalam Islam kerana bekalan makanan diperlukan untuk menunaikan ibadat yang diperintahkan oleh Allah SWT.

Makanan yang diagihkan itu merangkumi pelbagai jenis makanan yang diperlukan oleh tubuh badan untuk kehidupan yang sihat, iaitu (Lihat Jadual 1):

- i. Makanan asasi seperti beras dan lain-lain melalui pengeluaran zakat fitrah, zakat pertanian, kifarot sumpah, *fidyah* dan sedekah wajib haji;
- ii. Daging melalui zakat ternakan, korban, aqiqah dan dam haji;
- iii. Makanan hasil pertanian seperti buah kurma melalui zakat pertanian; dan
- iv. Makanan-makanan lain seperti minyak masak, gula, tepung dan sebagainya melalui sedekah sunat.

Jadual 1: Mekanisme Agihan Makanan Dalam Islam, Penerima Dan Bentuk Agihan Makanan

Mekanisme		Penerima	Bentuk Agihan Makanan
Zakat	Zakat Pertanian	Asnaf zakat ³⁵	Hasil pertanian
	Zakat Ternakan	Asnaf zakat	Binatang
	Zakat Fitrah	Asnaf zakat	Makanan asasi
Denda	Dam	Fakir miskin	Daging
haji	Sedekah wajib	Fakir miskin	Makanan asasi
Kifarāt	Bersetubuh pada bulan Ramadan	60 orang fakir miskin	Makanan asasi
	zihār sumpah	10 orang fakir miskin	Makanan asasi
Fidyah puasa		Fakir miskin	1 hari 1 cupak makanan asasi
Korban		Fakir miskin	1/3 daging
Aqiqah		Fakir miskin	Daging
Sedekah sunat		Fakir miskin	Pelbagai jenis makanan

Pertanian Di Malaysia

Di Malaysia, pertanian merupakan sektor penting yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Pertanian yang diusahakan di Malaysia boleh dikategorikan kepada:

- i. Tanaman industri seperti getah, kelapa sawit, lada hitam dan kelapa;
- ii. Tanaman buah-buahan seperti belimbing, betik, cempedak dan ciku;
- iii. Tanaman sayur-sayuran iaitu cili, kacang panjang, kacang buncis dan sawi bunga;
- iv. Tanaman rempah iaitu serai, halia, lengkuas dan kunyit; dan
- v. Tanaman padi.

Jadual 2: Keluasan dan Keluaran Tanaman Industri dan buah-buahan Malaysia 2002

Tanaman Industri ^a	Keluasan (ha)	Pengeluaran (Tan)	Jenis Buah-buahan ^b	Keluasan (ha)	Pengeluaran (Tan)
Getah	1,348,400.00	589,300.00	Durian	118,869	370,767
Kelapa sawit	3,670,244.00	11,909,298.00	Nanas	15,117	339,765
Koko	51,124.00	47,661.00	Pisang	31,233	290,763
Lada hitam	13,568.00	24,106.45	Tembikai	7,197	101,042
Tembakau	16,622.00	11,673.00	Betik	2,215	39,387
Kelapa	136,914.46	502,489.88	Rambutan	27,252	68,999
Kopi	11,443.93	39,336.90	Cempedak	12,501	43,349
Tebu	15,933.93	864,181.51	Dokong	20,300	25,136
Teh	3,497.45	18,615.70	Mangga	10,350	22,984

Sumber:

“Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia (2004), Perangkaan Tanaman Industri dan Herba, Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian Malaysia, hal. 1.

³⁵ Salah satu asnaf yang berhak mendapat agihan zakat ialah golongan fakir dan miskin.

^bJabatan Pertanian Semenanjung Malaysia (2004), *Perangkaan Tanaman Buah-buahan*, Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian Malaysia, hal. 4-5.

Jadual 3 Keluasan dan Keluaran Sayur-sayuran dan Rempah Utama Malaysia 2002

Jenis Sayur-sayuran ^a	Keluasan (ha)	Pengeluaran (Mt)	Jenis Rempah ^b	Keluasan (ha)	Pengeluaran (Mt)
Bendi	1,536.88	20,684.23	Asam gelugur	21.17	67.24
Cili	2,124.86	25,166.31	Asam jawa	9.00	16.40
Kacang buncis	1,112.44	13,192.95	Cengkih	83.92	126.62
Kacang panjang	3,289.71	43,008.69	Cili padi	174.99	1,489.74
Kubis bulat	969.90	23,490.36	Halia	328.55	3,410.49
Sawi bunga	4,284.67	50,376.36	Jering	49.32	163.05
Timun	2,870.23	47,673.05	Kantan	75.55	367.10
Tomato	753.39	21,379.39	Kunyit	69.94	613.87
Jagung	7,536.84	27,746.94	Lengkuas	199.53	1,120.69
Ubi keledak	1,254.11	16,898.12	Limau kasturi	643.65	4,690.38
Ubi kayu	2,440.74	22,005.55	Limau nipis	471.09	2,781.33

Sumber:

^aJabatan Pertanian Semenanjung Malaysia (2004), *Perangkaan Tanaman Sayur-sayuran dan Tanaman Singkat Masa*, Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian Malaysia, hal. 14.

^bJabatan Pertanian Semenanjung Malaysia (2004), *Perangkaan Tanaman Sayur-sayuran dan Tanaman Singkat Masa*, Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian Malaysia, hal. 9.


Tanaman padi merupakan tanaman makanan asasi utama di Malaysia dan merupakan tanaman ketiga terbesar di Malaysia selepas kelapa sawit dan getah. Negeri yang paling banyak menanam padi ialah Kedah dengan keluasan 208,410 hektar³⁶. Padi adalah tanaman makanan asasi utama di Malaysia dan negara mengeluarkan beras sebanyak 1,394,000 tan pada tahun 2003 (Lihat Rajah 1).

Berdasarkan Rajah 2, ternakan yang diusahakan di Malaysia ialah lembu, kambing, bebiri dan kerbau di samping khinzir yang merupakan ternakan utama di Malaysia.³⁷ Walaupun negara Malaysia mengeksport daging dan sediaan daging (Lihat Jadual 4) tetapi import daging dan sediaan daging telah mencecah RM 798,957 pada tahun 2003 berbanding eksport hanyalah sebanyak RM 143,416 (Lihat Jadual 5).

³⁶ Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, http://agrolink.moa.my/doi/BI/Statistics/padi_negeri_1.html, 6 Jun 2005


³⁷ Perbezaan bilangan ternakan lembu, kambing dan kerbau berbanding khinzir amat besar. Menurut To' Puan Razmah Kassim "Kurangnya umat Islam menceburi bidang ternakan kerana mereka

Rajah 1 Keluaran Beras Malaysia Tahun 2000-2003



Sumber: Diubahsuai dari Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, <http://agrolink.moa.my/doa//Statistics/fail/pengeluaran.xls>, 17 Jun 2005

Rajah 2 Jumlah Bilangan Ternakan Utama Malaysia 2000-2003



Sumber: Diubahsuai dari Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia, <http://agrolink.moa.my/jph/dvs/statistics/stban1.html>, 8 Jun 2005

mempunyai tanggapan negatif terhadap kerjaya ini. Malah persepsi masyarakat terhadap kerjaya sebagai penternak juga rendah, kerana kurangnya sektor ternakan diusahakan secara besar-besaran."Lihat Yazid Halim (2000), "Siapa Kata Wanita Tak Boleh", *Wawasan Pertanian*, bil. 13. Sri Kembangan: Alihudin PulicationSdn. Bhd, h. 13. To' Puan Razmah dan suami (Dato' Syazryl Eskay Abdullah) merupakan usahawan Islam yang mengusahakan ternakan kambing dan lembu secara komersial, <http://www.kedah.gov.my/warta/Bil0203/Wawancara.htm>. 22 Jun 2005.

Jadual 4: Eksport Pertanian Malaysia 2000-2003 (RM'000)

Eksport Pertanian Malaysia Komoditi	Tahun			
	2000	2001	2002	2003
Binatang Hidup	357,379	389,277	385,238	387,189
Daging dan Sediaan Daging	64,563	83,229	119,919	143,416
Hasil Tenusu	226,873	239,113	228,691	314,347
Telur Burung	183,246	138,101	164,747	164,244
Ikan, Krustasea, Moluska dan Sediaan	1,263,290	1,248,278	1,293,481	1,518,497
Bijirin dan Sediaan Bijirin	610,824	563,083	619,337	659,963
Sayur-Sayuran	278,411	312,194	358,944	391,707
Buah-Buahan	512,418	497,215	523,633	513,465
Gula, Sediaan Gula dan Madu	353,678	383,242	473,449	489,882
Kopi, Koko, Teh, Rempah dan Keluaran	1,153,877	1,131,651	1,389,442	1,676,429
Bahan Makanan untuk Ternakan	375,378	416,637	536,719	568,871
Keluaran dan Sediaan Makanan Lain	1,042,500	1,121,336	1,329,735	1,537,425
Ikan Hiasan	45,013	54,987	67,352	73,448
Bunga-Bunga	54,256	56,094	99,034	100,913
Kulit dan Bulu Binatang	87,764	72,700	79,923	123,001

Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia,
<http://agrolink.moa.my/Statistics/fail/xport.xls>, 17 Jun 2005.

Jadual 5: Import Pertanian Malaysia 2000-2003 (RM '000)

Eksport Pertanian Malaysia Komoditi	Tahun			
	2000	2001	2002	2003
Binatang Hidup	154,553	192,746	226,940	238,668
Daging dan Sediaan Daging	771,355	833,301	879,474	798,957
Hasil Tenusu	1,167,607	1,422,648	1,186,076	1,195,687
Telur Burung	8,881	9,291	10,698	10,397
Ikan, Krustasea, Moluska dan Sediaan	1,085,753	1,191,519	1,217,425	1,334,542
Bijirin dan Sediaan Bijirin	1,839,101	1,736,690	2,644,838	1,467,704
Sayur-Sayuran	1,023,596	1,121,877	1,187,786	1,176,091
Buah-Buahan	561,594	596,158	616,308	608,375
Gula, Sediaan Gula dan Madu	1,085,154	1,232,017	1,152,567	1,085,299
Kopi, Koko, Teh, Rempah dan Keluaran	813,873	869,751	1,110,812	1,628,141
Bahan Makanan untuk Ternakan	1,928,394	1,889,987	1,103,324	2,076,877
Keluaran dan Sediaan Makanan Lain	919,346	1,134,257	1,099,749	1,081,798
Ikan Hiasan	24,938	19,348	22,499	32,440
Bunga-Bunga	3,226	3,002	4,106	5,120
Kulit dan Bulu Binatang	281,969	313,796	599,796	338,384

Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia,
<http://agrolink.moa.my/Statistics/fail/import.xls>, 17 Jun 2005.

Kajian Amalan Ekonomi Pertanian di Selangor

Satu kajian telah dilakukan di Selangor pada 13 hingga 19 Oktober 2003 untuk melihat amalan dan penghayatan dalam menunaikan tanggungjawab mengeluarkan zakat pertanian, zakat ternakan, zakat fitrah, beraqiqah, berkorban, membayar fidyah puasa, membayar kifar, membayar dam haji dan bersedekah sunat.

Seramai 403 orang responden terdiri daripada pembayar zakat padi telah dipilih sebagai sampel kajian ini. Penyelidik memilih Kuala Selangor dan Sabak Bernam kerana kedua kawasan tersebut adalah kawasan penanaman padi terbesar di Selangor (Lihat Jadual 6).

Penyelidik memilih pembayar zakat padi sebagai sampel kajian kerana penyelidik beranggapan bahawa pesawah padi yang menunaikan zakat padi adalah orang yang patuh kepada suruhan Allah. Oleh kerana mereka patuh menunaikan zakat padi berkemungkinan besar mereka juga akan melaksanakan tuntutan-tuntutan ibadat wajib dan sunat yang lain.

Jadual 6: Keluasan Tanaman Padi Mengikut Daerah Negeri Selangor 1999

Daerah	Keluasan (Hektar) Tanaman Padi
Gombak	-
Hulu Langat	133
Hulu Selangor	-
Kelang	-
Kuala Langat	-
Kuala Selangor	11,186
Petaling	-
Sabak Bernam	26,840
Selangor	-
Keluasan tanaman padi keseluruhan	38,159

Sumber: Diubah suai dari Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia (2001), **Perangkaan Padi Malaysia 1999**, Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian Malaysia, hal. 25.

Oleh itu, soal selidik dirancang untuk mendapatkan data tentang latar belakang responden, pengeluaran zakat padi, amalan beraqiqah, berkorban, berzakat fitrah, berkifar, berfidyah, membayar dam haji dan bersedekah sunat. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan *Statistical Package for Sosial Sciences (SPSS)* versi 12.

Latar Belakang Responden

Daripada Jadual 7, responden kajian terdiri daripada 87 orang di Tanjong Karang dan 316 orang di Sabak Bernam. Majoriti responden (54 orang) di Tanjong Karang berumur di antara 51 hingga 70 tahun. Manakala di Sabak Bernam pula kebanyakan responden (297 orang) berumur di antara 31 hingga 75 tahun

Jadual 7 Responden Mengikut Daerah, Jantina dan Umur

Daerah	Umur pada tahun 2003	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Tanjong Karang	20-25 tahun	1	0	1
	26-30 tahun	2	0	2
	31-35 tahun	5	0	5
	36-40 tahun	7	0	7
	41-45 tahun	3	0	3
	46-50 tahun	6	1	7
	51-55 tahun	18	2	20
	56-60 tahun	10	1	11
	61-65 tahun	9	2	11
	66-70 tahun	12	0	12
	71-75 tahun	6	1	7
	76-80 tahun	1	0	1
	Jumlah	80	7	87
Sabak Bernam	20-25 tahun	1	0	1
	26-30 tahun	9	0	9
	31-35 tahun	23	4	27
	36-40 tahun	31	2	33
	41-45 tahun	37	2	39
	46-50 tahun	31	5	36
	51-55 tahun	29	4	33
	56-60 tahun	24	7	31
	61-65 tahun	32	10	42
	66-70 tahun	25	12	37
	71-75 tahun	15	4	19
	76-80 tahun	6	0	6
	81-85 tahun	1	0	1
	86-90 tahun	2	0	2
Jumlah	266	50	316	

Sumber : Kajian Sampel, 13-19 Oktober 2003

Jadual 8 menunjukkan 184 responden (45.7 peratus) memperolehi pendapatan bulanan kurang dari RM510³⁸. Seramai 125 responden (31.0 peratus) pula memperolehi pendapatan bulanan di antara RM511-RM1000.00. Bagi responden yang memperolehi pendapatan bulanan kurang dari RM510 pula, seramai 112 orang responden mempunyai tanggungan seramai 4 hingga 12 orang termasuk diri responden.

Jadual 8 Pendapatan Bulanan dan Bilangan Isi Rumah Responden

Pendapatan Bulanan (RM) ¹	Bilangan Isi Rumah													Jumlah
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	
<510	8	35	29	32	22	19	16	11	6	4	1	1	0	184
511-1000	3	16	23	25	17	20	14	5	0	1	0	0	1	125
1001-1500	1	7	8	11	5	2	4	2	0	1	0	0	0	41
1501-2000	0	0	3	4	5	4	4	1	1	0	0	0	0	22
2001-2500	0	0	2	3	7	1	0	2	0	0	0	0	0	15
2501-3000	0	0	1	0	2	1	0	1	0	0	0	0	0	5
3001-3500	0	1	0	1	2	1	0	1	0	0	0	0	0	6
3501-4000	0	1	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	2
4001-4500	0	0	1	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	2
>4501	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	1
Jumlah	12	60	67	76	62	49	38	23	7	6	1	1	1	403

Sumber : Kajian Sampel, 13-19 Oktober 2003

¹ Pendapatan bulanan = (Hasil jualan padi + subsidi harga) – (kos tanaman padi)/6 bulan. Pendapatan semusim dibahagi dengan enam kerana tempoh tanaman padi satu musim tanaman padi ialah enam bulan

Jadual 9 menunjukkan 29.8 peratus responden membayar zakat padi yang bernilai antara RM201 hingga RM300, 21.6 peratus membayar zakat yang bernilai antara RM101 hingga RM200 dan 16.1 peratus membayar zakat yang bernilai antara RM301 hingga RM400. Terdapat hanya 2.7 peratus responden yang membayar zakat padi mereka kurang daripada RM101 dan 3.0 peratus responden yang membayar zakat mereka melebihi RM1,401.

³⁸ Garis kemiskinan mengikut Rancangan Malaysia Kelapan. Lihat Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (2001), Rancangan Malaysia Kelapan. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, h. 62.

Jadual 9 Bayaran Zakat Padi

Bayaran zakat (RM)	Frekuensi	Peratus
<101	11	2.7
101-200	87	21.6
201-300	120	29.8
301-400	65	16.1
401-500	18	4.5
501-600	27	6.7
601-700	11	2.7
701-800	11	2.7
901-1000	9	2.2
1001-1100	6	1.5
1101-1200	6	1.5
1201-1300	4	1.0
1301-1400	4	1.0
>1401	12	3.0
Jumlah	403	100.0

Sumber : Kajian Sampel, 13-19 Oktober 2003

Berdasarkan Jadual 10, 39.5 peratus responden memelihara binatang ternakan berbanding 60.5 peratus responden yang tidak memelihara binatang ternakan. Majoriti responden (95.0 peratus) menternak binatang tersebut untuk makanan keluarga, manakala 7.5 peratus responden menternak binatang untuk jualan. Binatang yang dipelihara ialah ayam, ayam serama dan itik iaitu binatang-binatang yang tidak dikenakan zakat. Oleh itu tiada responden yang mengeluarkan zakat ternakan.

Jadual 10 Memelihara Binatang Ternakan

Pelihara binatang ternakan	Frekuensi	Peratus
Ya	159	39.5
Tidak	244	60.5
Jumlah	403	100.0
Binatang ternakan untuk makanan keluarga		
Ya	151	95.0
Tidak	8	5.0
Jumlah	159	100.00
Binatang ternakan untuk jualan		
Ya	12	7.5
Tidak	147	92.5
Jumlah	159	100.0

Sumber : Kajian Sampel, 13-19 Oktober 2003

Jadual 11 Amalan mengeluarkan Zakat Fitrah , aqiqah dan ibadah korban

Membayar zakat fitrah setiap tahun	Frekuensi	Peratus
Ya	403	100.0
Melakukan Aqiqah apabila mendapat cahaya mata		
Ya	241	59.8
Tidak	162	40.2
Jumlah	403	100.00
Pernah melakukan korban semasa Hari Raya Aidiladha		
Ya	194	48.1
Tidak	209	51.9
Jumlah	403	100.0

Sumber : Kajian Sampel, 13-19 Oktober 2003

Secara keseluruhannya, responden membayar zakat fitrah pada setiap tahun dan mereka mengetahui kewajipannya (Lihat Jadual 11). Jadual 11 juga menunjukkan 59.8 peratus responden melakukan aqiqah apabila mendapat cahaya mata berbanding 40.2 peratus responden yang tidak melakukan aqiqah apabila mendapat cahaya mata.

Manakala bagi ibadah korban semasa hari raya Aidiladha pula, 48.1 peratus responden mengatakan mereka pernah melakukan korban semasa hari raya Aidiladha, berbanding 51.9 peratus mengatakan tidak pernah melakukan korban semasa hari raya Aidiladha (Lihat Jadual 11).

Bagi responden yang melakukan aqiqah pula, 194 orang responden menggunakan daging aqiqah tersebut untuk diadakan kenduri kesyukuran. Seramai 70 orang responden pula turut mendedekahkan sedikit daging aqiqah kepada fakir miskin (Lihat Jadual 12).

Jadual 12 Responden Mengikut Agihan Daging Aqiqah

Memasak dan mengadakan majlis kesyukuran	Frekuensi	Peratus
Tidak	47	19.5
Ya	194	80.5
Jumlah	241	100.0
Memberikan sedikit daging kepada fakir miskin		
Ya	171	71.0
Tidak	70	29.0
Jumlah	241	100.00

Sumber : Kajian Sampel, 13-19 Oktober 2003

Bagi responden yang melakukan korban pula, majoriti responden (145 orang) menyedekahkan daging tersebut kepada fakir miskin. Manakala 44 orang responden menghadiahkan daging tersebut kepada jiran, saudara mara dan sahabat handai mereka (Lihat Jadual 13).

Jadual 13: Responden Mengikut Agihan Daging Korban

Agihan Daging Korban	Ya	Tidak	Jumlah
Anda dan keluarga memakannya	15	179	194
Sedekahkan kepada fakir miskin	145	49	194
Hadiahkan kepada jiran, saudara mara dan sahabat handai	44	150	194
Membuat Kenduri	2	192	194

Sumber : Kajian Sampel, 13-19 Oktober 2003

Jadual 14 Keuzuran Yang Menghalang Berpuasa Pada Ramadhan yang Lalu

Keuzuran responden atau ahli keluarga	Ya	Tidak	Jumlah
Orang tua yang lemah dan uzur	14 (3.5%)	389 (96.5%)	403
Sakit teruk dan tiada harapan untuk sembuh	6 (1.5%)	397 (98.5%)	403
Ibu yang mengandung	3 (0.7%)	400 (99.35)	403
Ibu yang menyusukan anak	5 (1.2%)	398 (98.8)	403
Terlupa menggantikan puasa ramadhan yang lalu	2 (0.5%)	401 (99.55)	403

Sumber : Kajian Sampel, 13-19 Oktober 2003

Jadual 14 menunjukkan keuzuran yang dihadapi oleh responden atau ahli keluarga mereka yang menyebabkan mereka tidak boleh berpuasa pada bulan Ramadhan yang lalu sebelum soal selidik dilakukan. Terdapat 3.5 peratus responden yang mempunyai keluarga daripada warga tua yang lemah dan uzur dan tidak mampu berpuasa pada bulan Ramadhan, 1.5 peratus responden yang mempunyai ahli keluarga yang menghadapi sakit teruk dan tiada harapan untuk sembuh dan tidak mampu berpuasa pada bulan Ramadhan, 0.7 peratus responden yang merupakan ibu sedang mengandung dan tidak mampu berpuasa pada bulan Ramadhan, 1.2 peratus responden yang merupakan ibu yang sedang menyusukan anak dan tidak mampu berpuasa pada bulan

Ramadhan. Manakala 0.5 peratus responden yang terlupa menggantikan puasa bulan Ramadhan yang lalu.

Bagi orang yang mempunyai keuzuran yang dibolehkan untuk berbuka puasa pada bulan Ramadhan, mereka perlu menggantikannya dengan membayar *fidyah* puasa. Jadual 15 menunjukkan 75.0 peratus responden menunaikan tanggungjawab membayar *fidyah* puasa disebabkan keuzuran yang dialami. Bagi responden atau isi rumah yang membayar *fidyah* puasa, 83.3 peratus responden membayar *fidyah* puasa kepada imam dan 16.7 peratus responden membayar *fidyah* kepada fakir miskin.

Terdapat 25 peratus responden pula tidak membayar *fidyah* puasa. Terdapat dua sebab kenapa mereka tidak membayar *fidyah*. Sebahagian responden (50 peratus) mengatakan bahawa mereka tidak mengetahui bahawa pembayaran *fidyah* diwajibkan kepada mereka yang tidak berpuasa pada bulan Ramadhan kerana mengalami keuzuran dan 50.0 peratus responden lagi mengatakan mereka mengganti puasa tersebut (Lihat Jadual 15).

Jadual 15: Bayaran *Fidyah* Puasa

Membayar <i>fidyah</i> puasa	Frekuensi	Peratus
Ya	18	75.0
Tidak	6	25.0
Jumlah	24	100.0
Sebab tidak membayar <i>fidyah</i>		
Tidak tahu ia satu kewajipan	3	50.0
Mengganti puasa tersebut	3	50.0
Jumlah	6	100.0

Sumber : Kajian Sampel, 13-19 Oktober 2003

Daripada Jadual 16, menunjukkan 34.2 peratus responden pernah menunaikan haji ataupun umrah di Mekah, berbanding 65.8 peratus responden yang tidak pernah menunaikan haji ataupun umrah. Bagi responden yang pernah mengerjakan haji atau umrah 65.2 peratus pernah membayar dam, berbanding 34.8 peratus responden tidak membayar dam haji atau umrah.

Antara sebab pembayaran dam haji atau umrah, 65.6 peratus responden adalah mereka yang mengerjakan haji *tamattuk*, 14.4 peratus responden pula membayar dam kerana

mereka kluatir mereka melakukan kesalahan tanpa mereka sedari, 7.8 peratus disebabkan mereka memotong rambut, 6.7 peratus disebabkan mereka memakai pakaian berjahit, 2.2 peratus masing-masing disebabkan mereka mengerjakan haji *ifrad* dan mereka membayar dam kerana mereka uzur, dan 1.1 peratus kerana mereka tidak tahu apa kesalahan.

Bayaran dam tersebut diberikan kepada agensi yang menguruskan pemergian mereka ke sana atau diberikan terus kepada fakir miskin. Sebanyak 81.1 peratus responden yang melakukan kesalahan akan membayar dam haji atau umrah mereka kepada tabung haji, 5.6 peratus kepada orang fakir miskin dan masing-masing 4.4 peratus kepada agensi haji atau umrah swasta, penuntut Malaysia di Mekah dan syeikh di Mekah. Pihak Tabung Haji mahupun agensi seterusnya akan menguruskan bayaran dam tersebut untuk diberikan kepada orang yang layak menerima dam (Lihat Jadual 14).

Responden juga turut mengagihkan makanan kepada fakir miskin di tempat mereka dalam bentuk amalan sunat. 15.7 peratus responden pernah mengajak orang fakir miskin berbuka puasa bersama semasa bulan Ramadhan, manakala 42.3 peratus responden pula memberi bantuan makanan dan 72.2 peratus pernah mengajak orang fakir miskin makan kenduri di rumah mereka (Lihat Jadual 17).

Jadual 16: Menunaikan Haji/Umrah

Menunaikan haji/umrah	Frekuensi	Peratus
Ya	138	34.2
Tidak	265	65.8
Jumlah	403	100.0
Membayar dam haji/umrah		
Ya	90	65.2
Tidak	48	34.8
Jumlah	138	100.0
Sebab-sebab pembayaran dam haji		
Memakai pakaian berjahit	6	6.7
Memotong rambut	7	7.8
Mengerjakan haji <i>tamattuk</i>	59	65.6
Mengerjakan haji <i>ifrad</i>	2	2.2
Tidak tahu kesalahan	1	1.1
Bayar dam kerana dikluatiri terdapat kesalahan	13	14.4
Bayar dam kerana uzur	2	2.2
Jumlah	90	100.0
Bayar dam haji/umrah kepada		
Tabung haji	73	81.1
Agensi haji/umrah swasta	4	4.4
Orang fakir miskin	5	5.6
Penuntut Malaysia di Mekah	4	4.4
Syeikh di Mekah	4	4.4
Jumlah	90	100.0

Sumber : Kajian Sampel, 13-19 Oktober 2003

Jadual 17: Bantuan Oleh Responden Kepada Fakir Miskin Dengan Cara Memberi Bantuan Makanan, Mengajak Berbuka Puasa dan Menjemput Makan Kenduri

Mengajak orang fakir miskin berbuka puasa	Frekuensi	Peratus
Ya	47	15.7
Tidak	253	84.3
Jumlah	300	100.0
Memberi bantuan makanan		
Ya	127	42.3
Tidak	173	57.7
Jumlah	300	100.0
Menjemput makan kenduri		
Ya	216	72.2
Tidak	84	27.8
Jumlah	300	100.0

Sumber : Kajian Sampel, 13-19 Oktober 2003

KESIMPULAN

Sektor pertanian memainkan peranan yang penting terhadap pembangunan kerana ia menyumbang kepada ekonomi negara melalui peluang pekerjaan, pegeksporan produk-produk pertanian, kutipan zakat tanaman, zakat ternakan dan zakat fitrah. Pertanian dan penternakan yang diusahakan juga merupakan sumber bekalan makanan kepada orang ramai kerana produk terpenting pertanian ialah bekalan makanan seperti beras, sayur-sayura, buah-buahan, daging dan ikan. Produk hasil pertanian juga merupakan sumber untuk kegiatan ekonomi yang lain seperti untuk perkilangan, pemprosesan dan pelancongan.

Petani dan penternak Islam pula akan membantu ekonomi umat Islam dengan mengeluarkan zakat tanaman dan zakat ternakan. Dengan adanya hasil pertanian dan ternakan membolehkan umat Islam melakukan ibadat-ibadat wajib dan sunat seperti mengeluarkan zakat fitrah dengan beras, berkorban semasa hari raya korban, beraqiqah apabila mendapat cahayamata dan bersedekah makanan kepada orang fakir miskin atau membayar denda dengan makanan asasi atau hasil ternakan seperti, *kifārat* dan *dam*

Hasil kajian yang dilakukan di kalangan pesawah padi di Selangor, mendapati bahawa mereka menghayati amalan mengeluarkan zakat tanaman, zakat fitrah, berkorban,

beraqiqah, membayar fidyah puasa, membayar dam haji serta bersedekah makanan kepada golongan yang berhak dan memerlukan. Amalan-amalan ini secara langsung merupakan mekanisme agihan makanan yang ditetapkan dalam Islam bagi menjamin sekuriti makanan di kalangan fakir miskin.

Oleh itu pertanian perlu dijadikan satu bidang pekerjaan yang dipandang mulia kerana nilai tambahnya bukan setakat untuk meningkatkan ekonomi malah ia berperanan dalam memartabatkan ketaatan masyarakat umat Islam dalam menunaikan perintah dan larangan Allah.